

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
Y. BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR, UTeM**

**MAJLIS HOMECOMING ALUMNI UTeM
06 OGOS 2016 (SABTU), 11.30 PAGI
KOMPLEKS SUKAN UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim,

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Y. Berusaha Encik Azrul bin Aziz

Timbalan Presiden Persatuan Alumni UTeM

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Ahli Jawatankuasa Persatuan Alumni UTeM, Alumni UTeM, Hadirin serta Hadirat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis Homecoming Alumni UTeM 2016 ini.
2. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat dan juga Persatuan Alumni UTeM

(AUTeM) yang telah berjaya mengaturkan satu program yang amat dinanti-nantikan oleh ramai alumni UTeM.

3. Ahlan wa Sahlan wa Marhaban bikum, Selamat Kembali saya ucapkan kepada alumni-alumni KUTKM dan UTeM ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka; tempat yang cukup bermakna, yang telah memberikan seribu satu kenangan kepada kalian pada suatu masa dahulu. Saya yakin, segala pengalaman dan detik indah hasil program yang julung kalinya diadakan pada hari ini akan kekal terpahat sebagai kenangan yang sangat manis di dalam hati dan sanubari tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Mengimbau kenangan di KUTKM @ UTeM

Hadirin dan Hadirat sekalian,

4. Pada hari ini, saya amat teruja untuk berucap di hadapan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Satu masa dahulu, tuan-tuan dan puan-puan merupakan siswa dan siswi KUTKM dan UTeM, malah ada di kalangan anda merupakan bekas pelajar saya sendiri. Namun pada hari ini, apa yang dapat saya lihat, di hadapan saya ini adalah insan-insan yang telah pun berjaya di dalam kareer dan kehidupan masing-masing. Anda semua merupakan insan-insan hebat, hasil keluaran Universiti ini yang amat kami banggakan. Syabas dan tahniah kepada anda semua!

Hadirin dan Hadirat sekalian,

5. “Tempat jatuh lagi di kenang, inikan pula tempat bermain”. Itu peribahasa orang dulu-dulu untuk menunjukkan betapa rindu dan ingatnya kita pada sesuatu tempat atau peristiwa. Jika diimbis kembali, inilah tempatnya di mana suatu ketika dahulu kita dan kawan-kawan bertemu, bersama-sama menuntut ilmu, menjalani kehidupan di alam kampus selama beberapa tahun sebagai seorang mahasiswa. Lebih menarik lagi, di sinilah jua bagi sesetengah daripada anda, tempat berputiknya perkenalan, bertemu cinta sejati sehingga membawa ke jinjang pelamin; membina empayar rumah tangga yang begitu bahagia sehingga ke hari ini dan diharapkan berkekalan sehingga ke jannah.

6. Namun di sebalik keindahan ini, masiakah tuan-tuan dan puan-puan ingat, Siapakah teman kita di sini dahulu? Siapa pensyarah-pensyarah kita? Siapakah rakan sebilik semasa di kolej kediaman?. Saya yakin, semua memori terindah ini masih kukuh terpahat di dalam hati sanubari tuan-tuan dan puan-puan, lantas memberi bersemangat untuk hadir ke program yang telah diatitkan pada hari ini.
7. Alhamdulillah, program pada hari ini telah berjaya mengumpulkan seramai **300 orang alumni** yang hadir dari seluruh pelusuk tanah air. Saya amat menghargai semangat keserakanan dan kebersamaan yang terbit dalam diri tuan-tuan dan puan-puan, apatah lagi dalam konteks kita sebagai saudara seUTeM.

Objektif Homecoming Alumni UTeM

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Universiti begitu komited untuk meraikan alumni-alumni keluaran unversiti ini. Majlis Homecoming Alumni UTeM ini adalah usaha bersama antara Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dan Pejabat Penolong Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat untuk mengembalikan semangat “sense of belonging” kepada universiti ini.
9. Pemilihan Kampus Induk sebagai lokasi program ini adalah sangat signifikan dan relevan kerana inilah peluang terbaik kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk menikmati keindahan kampus ini dari aspek senibina bangunan-bangunan yang ada, panorama menarik di sekitar

kampus selain dapat merasai kemudahan-kemudahan yang mungkin tidak sempat nikmati pada satu masa dahulu.

10. Majlis ini juga adalah rentetan daripada Majlis Ramah Mesra Alumni yang berkhidmat di UTeM bersama Naib Canselor yang telah diadakan beberapa bulan yang lalu.

Fasa-fasa pembangunan KUTKM -UTeM

Hadirin dan hadirat sekalian,

11. Sepertimana perubahan fasa-fasa kehidupan yang dialami oleh tuan-tuan dan puan-puan sejak keluar dari universiti ini, UTeM juga turut mengalami fasa transformasi baik dari segi akademik, sumber manusia dan pembangunan kampus.

12. Seperti mana semua sedia maklum, pada awal penubuhan tahun 2001, UTeM hanya beroperasi di lot rumah kedai di Tasik Utama dengan pengambilan pelajar pertama seramai 348 orang. Namun, tahun bersilih ganti, universiti ini telah berjaya mengharungi segala onak duri dan cabaran sehingga mampu mengecapi kenikmatan dan keindahan pembangunan kampus yang cukup indah sepertimana yang dapat dilihat pada hari ini. Kini, UTeM telah mempunyai pelajar mencecah 11,000 orang dan dijangkakan akan mencapai 15,000 orang pelajar pada tahun 2020. Manakala staf UTeM sekarang telah melebihi 2,000 orang dalam pelbagai peringkat perjawatan.
13. Dari aspek output pula, konvokesyen pertama Universiti yang berlangsung pada tahun 2005 telah menghasilkan graduan seramai

471 orang dan bilangannya kini telah mencecah seramai 17,734 graduan dalam bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, ICT dan teknousahawanan dalam pelbagai peringkat pengajian.

14. Peningkatan jumlah yang amat ketara selama 16 tahun penubuhan universiti ini, jelas menunjukkan kemampuan UTeM melalui Pelan Strategik Universiti 2012-2020 secara berfasa yang mencakupi pelbagai elemen termasuk fasiliti dan infrastuktur, kecekapan tadbir-urus, pembangunan modal insan dan sebagainya. Sudah pasti usaha ini tidak mampu di lakukan dan dicapai dengan sebaik-baiknya tanpa usaha yang gigih dan sumbangan dari pelbagai pihak termasuklah dari alumni universiti sendiri.

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan untuk terus bersama-sama menyumbangkan idea, buah fikiran, tenaga berdasarkan kebolehan dan kemampuan masing-masing mahupun wang ringgit untuk disalurkan bagi membantu pembangunan universiti yang lebih mampan. Bagi pihak universiti, kami sentiasa mengalu-alukan alumni yang berhasrat untuk menjalin kerjasama dengan univervsti dalam apa jua bidang sekalipun yang mampu memberi kebaikan bersama. Sebagai contoh, saya dikhabarkan ramai alumni yang terlibat dan berjaya dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Menerusi kerjasama yang terjalin, universiti dapat mengkaji dan mengaplikasi

kaedah yang digunakan oleh usahawan-usahawan ini, selain dapat melaksanakan sesi perkongsian ilmu dan pengalaman kepada siswa dan siswi UTeM bagi menyuntik lagi semangat dan keterujaan mereka untuk terus berjaya khususnya di dalam bidang yang dikongsi.

16. Diharapkan keikhlasan anda dalam memberikan sumbangan akan menyokong pembangunan kampus universiti tercinta dengan lebih cemerlang dan gemilang sehingga mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

Pembinaan rumah alumni

Hadirin hadirat sekalian,

17. Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada alumni universiti ini, pihak pengurusan universiti telah bersetuju dengan cadangan dan pelan yang telah dibentangkan oleh Persatuan Alumni UTeM untuk membina sebuah rumah alumni di kawasan universiti yang mana ia dilengkapi dengan pejabat, dewan aktiviti, bilik mesyuarat dan sebagainya. Di harapkan dengan projek pembinaan rumah alumni ini, dapat memberikan kemudahan dan akses yang lebih mudah kepada alumni untuk berhubung dengan universiti dengan lebih mudah dan berkesan serta dapat merangka dan

menjalankan pelbagai aktiviti atau program yang dapat mengeratkan lagi ukhwah di kalangan alumni.

Tabung wakaf dan endowmen universiti

Hadirin dan hadirat sekalian,

18. Suka saya maklumkan juga bahawa universiti telah menubuhkan tabung wakaf dan endowmen bagi mengumpulkan segala jenis sumbangan yang diterima dari pelbagai pihak. Di kesempatan ini, saya ingin mengajak lebih ramai alumni UTeM untuk memberikan sumbangan wakaf mahupun endowmen demi pembangunan universiti yang lebih menyeluruh selain memastikan proses penyebaran ilmu berterusan dengan jayanya sehingga ke generasi yang akan datang. Bagi tujuan ini, tuan-tuan dan puan-puan bolehlah berhubung terus

dengan Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat dan Persatuan Alumni UTeM untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

Penutup

Hadirin dan hadirat sekalian,

19. Saya amat berharap agar perjumpaan pada hari ini merupakan satu perjumpaan yang amat bermakna. Saya meletakkan harapan yang tinggi kepada alumni UTeM untuk terus menabur bakti kepada universiti ini. Sesungguhnya Universiti tidak mahu rasa kehilangan 'permata-permata' yang pernah di gilap suatu ketika dahulu.
20. Saya amat menghargai segala usaha pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan menerusi Persatuan Alumni UTeM yang sentiasa bergerak

aktif mengatutkan pelbagai program seperti ini. Sekali lagi saya berharap agar hubungan ini tidak terhenti di sini sahaja, malah ia seharusnya berterusan dan berpanjangan menjangkau generasi.

21. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada jawatankuasa program yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan pengajuran program ini. Semoga usaha ikhlas yang di lakukan mendapat keberkatan dari Ilahi.

Tinggi bukit gilang-gemilang,
Air laut tenang-tenangan,
Budi sedikit tidakkan hilang,
Itu menjadi kenang-kenangan.

Bunga peria di atas sampan,
Dahan gedangsa bersilang-silang;
Di tangan alumni terletak harapan,
Membawa UTeM ke mercu terbilang.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.